

Pesawah rugi

RM1.2 juta

160 hektar bendang ditenggelami air



Ketua Seksyen Unit Pengembangan dan Khidmat Perundingan IADA Ketara, Shafee Ab Wahab (kanan) memeriksa padi yang rebah di Kampung Baruh Kual, Hulu Besut.

MOHD TAHA YAACOB

BESUT - Banjir gelombang pertama di daerah ini minggu lalu menyebabkan kira-kira 160 hektar tanaman padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (IADA Ketara) musnah menyebabkan kerugian dianggarkan RM1.2 juta.

Pemangku Pengarah IADA Ketara, Fatimah Hamid berkata, kawasan tanaman yang terjejas itu membabitkan 6.4 peratus daripada keluasan keseluruhan 2,500 hektar kawasan tanaman padi yang belum dituai bagi musim pertama 2017 ini.

Menurutnya, keseluruhan kawasan tanaman padi di jelang bawah IADA Ketara adalah sebanyak 5,000 hektar namun sebahagiannya telah dituai sebelum berlaku banjir baru-baru ini.

"Baki kawasan (2,500 hektar) padi yang belum sempat dituai itu ditenggelami air namun selepas banjir pihaknya bersama ketua tani membuat penyiasatan dan banciaan bagi mendapat data sebenar kerosakan.

"Kami dapati kerosakan berlaku setakat ini



• 200 pesawah di kawasan IADA Ketara rugi

membabitkan kawasan seluas 160 hektar melibatkan 200 petani dan kawasan terjejas ini tidak tertumpu di satu-satu kawasan tetapi menyeluruh di hampir semua kawasan," katanya.

Fatimah berkata, tanaman banyak terjejas melibatkan kawasan ditenggelami air terlalu lama dan petak sawah mereka menjadi laluan air menyebabkan padi mereka musnah kerana pokok padi rebah atau bercambah di pokok.

"Hampir 60 peratus daripada tanaman yang musnah itu sudah mencapai peringkat 85 peratus masak manakala bakinya 40 peratus lagi melibatkan padi peringkat 50-85 peratus masak," katanya.

Sementara itu kata Fatimah lagi, tahap kerosakan bagi setiap lot tanaman padi tidak setara iaitu pada tahap 30 hingga 100 peratus.

Menurutnya, bagaimanapun padi khas yang variasi UPutra yang

diperkenalkan Universiti Putra Malaysia (UPM) ditanam di beberapa kawasan di daerah ini khususnya di Hulu Besut seperti di Kampung Lubuk Kawah tidak terlibat.

"Padi UPutra sempat dituai 20 November lepas menyebabkan ia tidak terlibat bencana ini," katanya.

Fatimah berkata, pihaknya berterima kasih kepada pihak yang dilantik menjalankan kerja penuaian apabila bertindak segera menuai padi yang telah matang itu di beberapa kawasan sebaik selesai banjir.

Ujar beliau, kelewatan menuai boleh menyebabkan masalah padi bercambah di pokok disebabkan sebelum itu terendam dalam air untuk tempoh lama.

"Jika tak dituai segera selepas banjir baru-baru ini mungkin kawasan padi yang terjejas akan lebih banyak kerana bukan sahaja menyebabkan padi tidak bermutu tetapi mengalami kerosakan," katanya.

Katanya, IADA Ketara menasihati petani terlibat supaya membuat laporan kerosakan dan kemusnahan tanaman padi masing-masing mengikut prosedur yang ditetapkan.

REALITI IMPIAN WANITA
nona



Vip Edition

NONA DISEMBER 2017

SEBUAH NASKAH TERBAIK BUAT WANITA MALAYSIA
BERTEMAKAN VIP EDITION. NONA DISEMBER 2017
MEMBAWAKAN KOLEKSI KISAH TOKOH KENAMAAN
& JELITAWAN INSPIRASI NONA.

DAPATKAN NONA DISEMBER 2017,
KINI DI PASARAN!